



SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN MUKAH  
JALAN BESTARI  
SEJARAH  
KERTAS 2  
NOVEMBER  
2 ½ jam

1249/2

Dua jam tiga puluh minit

---

SKEMA SEJARAH KERTAS 2  
TINGKATAN 5  
SET A

---

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: Bahagian A dan Bahagian B*
2. *Jawab semua soalan dalam Bahagian A dan tiga soalan dalam Bahagian B*
3. *Jawapan Bahagian A hendaklah ditulis di dalam ruang yang disediakan dalam kertas soalan*
4. *Jawapan Bahagian B hendaklah ditulis pada kertas jawapan berasingan yang disediakan*
5. *Kertas soalan ini hendaklah diikat dan dihantar bersama kertas jawapan Bahagian B*

<i>Untuk Kegunaan Pemeriksa</i>			
Bahagian	Soalan	Markah Penuh	Markah Diperoleh
<b>A</b>	1	10	
	2	10	
	3	10	
	4	10	
<b>B</b>	5	20	
	6	20	
	7	20	
	8	20	
	9	20	
<b>Jumlah</b>		100	

---

Kertas soalan ini mengandungi **08** halaman bercetak.

Kertas ini mengandungi **dua** bahagian: **Bahagian A** dan **Bahagian B**. Jawab **semua** soalan di **Bahagian A** dan **tiga** soalan di **Bahagian B**. Tulis jawapan bagi Bahagian A dalam ruang yang disediakan dalam kertas soalan.

Bahagian A

[40 markah]

Jawab **semua** soalan

Rajah menunjukkan perjuangan nasionalisme sebelum Perang Dunia Kedua melalui Penulisan.

Penulisan		
Akhbar	Majalah	Novel/Puisi/Cerpen

1. (a) Nyatakan **dua** akhbar tempatan di Tanah Melayu, Sarawak dan Sabah yang membangkitkan isu nasionalisme sebelum Perang Dunia Kedua

- (i) F1 Utusan Melayu
- F2 Lembaga Melayu
- F3 Warta Malaya
- F4 Warta Jenaka
- F5 Fajar Sarawak
- F6 Majlis
- F7 Majalah Guru

- (ii) F1 Utusan Melayu
- F2 Lembaga Melayu
- F3 Warta Malaya
- F4 Warta Jenaka
- F5 Fajar Sarawak
- F6 Majlis
- F7 Majalah Guru

[2 markah]

(b) Jelaskan isu yang dimuatkan dalam akhbar tempatan.

- F1 mengetengahkan isu dan hak masa depan bangsa
- F2 polemik kaum muda dan kaum tua
- F3 isu pentadbiran negara
- F4 masalah ekonomi/sosial bangsa
- F5 bersuara tentang pendidikan dan politik tanah air

- F6 menyedarkan kaum yang dijajah
- F7 menggesa masyarakat bangkit menuju kemajuan
- F8 isu pendidikan
- F9 tanah bumiputera
- F10 kawasan pertanian

[2 markah]

(c) Jelaskan kandungan akhbar Cina dan India pada masa tersebut?

Akhbar Cina

- F1 meransang pemikiran masyarakat huachiao/ kaum cina seberang laut
- F2 menyeru mengekalkan identiti bangsa
- F3 memperjuangkan nasib kaum wanita
- F4 menyemai perasaan cinta akan negara china
- F5 memuatkan soal pemerintahan monarki di china
- F6 persoalan pergolakan politik di china
- F7 pada tahun 1929, penulisan bersifat anti imperialisme
- F8 memperjuangkan soal kesatuan sekerja
- F9 keadilan sosioekonomi bagi masyarakat cina kelas bawahan

Akhbar India

- F10 memperjuangkan kepentingan orang india di negara ini
- F11 memuatkan pemikiran dan kepentingan perpaduan dalam kalangan kelas menengah India di negara ini
- F12 melaporkan perkembangan politik di india
- F13 melaporkan kepentingan sosiopolitik masyarakat India

[2 markah]

(d) Mengapakah nasionalis menggunakan penulisan kreatif sebagai saluran menyebarkan idea nasionalisme?

- F1 penyampaian maklumat dapat disampaikan secara penceritaan
- H1a dapat memberikan penghayatan kesedaran melalui hiburan/puisi
- C1 pemberian nasihat melalui watak/perwatakan yang mewakili rakyat
- H1b menjadikan media hiburan/penting pada waktu tersebut
- H1c penyebaran lebih luas meliputi semua lapisan masyarakat
- H1d kebanyakan nasionalis pada waktu tersebut adalah golongan intelektual/guru
- H1e berkeupayaan dalam bidang penulisan
- I penulisan kreatif mengelak daripada ancaman/tindakan penjajah ke atas nasionalis

[4 markah]

2. Gambar menunjukkan sebuah monumen sejarah yang merakam pelbagai peristiwa penting dalam negara kita.



- (a) Nyatakan dua peristiwa penting yang pernah berlangsung di dalam monument tersebut.

- (i) F1 pengisytiharaan kemerdekaan persekutuan tanah melayu 1957  
F2 majlis tilawah al quran peringkat kebangsaan/ musabaqah al quran  
F3 sukan SEAP/ sukan SEA  
F4 pesta bola merdeka  
F5 penyerahan panji panji diraja YdPA, Sultan Haji Ahmad Shah kepada Maktab Tentera Diraja  
F6 himpunan kebangkitan rakyat
- (ii) F1 pengisytiharaan kemerdekaan persekutuan tanah melayu 1957  
F2 majlis tilawah al quran peringkat kebangsaan/ musabaqah al quran  
F3 sukan SEAP/ sukan SEA  
F4 pestabola merdeka  
F5 penyerahan panji panji diraja YdPA, Sultan Haji Ahmad Shah kepada Maktab Tentera Diraja  
F6 himpunan kebangkitan rakyat

[2 markah]

- (b) Terdapat beberapa cadangan supaya Stadium Merdeka dirobohkan. Wajarkah monument sejarah tersebut dirobohkan? Berikan alasan anda

- F1 tidak wajar  
F2 merakamkan pelbagai peristiwa bersejarah yang penting  
H2a perisytiharaannegara dilakukan pada tahun 1957

- H2b menjadi tatapan generasi akan datang  
 H2c menjadi bahan rujukan kajian sejarah  
 H2d memberikan sumbangan dalam pembangunan negara  
 H2e dalam bidang sukan, Stadium Merdeka melahirkan pemain bola sepak tersohor  
 C2 seperti Allahyarham Mokhtar Dahari  
 H2f menjadi tarikan pelancong untuk melihat tempat bersejarah di negara kita  
 I monumen bersejarah melambangkan perkembangan persejarahan masyarakat negara ini  
 I membantu meningkatkan ekonomi dan memakmurkan negara
- [4 markah]
- (I – inferens)

(c) Bagaimanakah kita boleh memastikan monumen bersejarah negara terus terpelihara?

- F1 melaksanakan akta penjagaan warisan sejarah  
 C1 akta warisan kebangsaan 2005  
 H1a melarang pencerobohan orang luar  
 H1b melarang pengubahsuaian bentuk/warna bangunan tersebut  
 H1c tidak membenarkan pembangunan moden yang menenggelamkan nilai sejarah  
 H1d memulihara kerosakan bangunan bersejarah  
 H1e memberikan peruntukan kewangan  
 H1f menghindari daripada kegiatan vandalisme  
 I monumen bersejarah boleh menjadi aset kepada pendapatan negara/produk pelancongan
- [4 markah]

3. Berikut adalah pindaan perlembagaan Persekutuan.

- **Pindaan Perlembagaan 1963**
- **Pindaan Perlembagaan 1965**

(a) Apakah sebab pindaan perlembagaan 1963 dibuat?

- F1 pembentukan Malaysia  
 H1 Pengabungan PTM, Sarawak, Sabah dan Singapura  
 F2 menyesuaikan kuasa/peruntukan ke atas negeri-negeri baharu  
 H2 mengubahsuaikan struktur mahkamah negeri-negeri tersebut

F3 mewujudkan jawatan Yang di-Petuan Negeri Sabah dan Sarawak  
H3 memberikan kuasa YdPA melantik YdP Negeri [2 markah]

(b) Jelaskan kesan daripada perkara-perkara dalam pindaan perlembagaan 1963.

F1 penubuhan mahkamah atasan  
H1a mengikut model mahkamah tinggi England  
H1b terbahagi kepada mahkamah atasan dan mahkamah rayuan  
H1c mahkamah atasan adalah mahkamah persekutuan bagi Malaysia  
H1d mahkamah persekutuan boleh mendengar persoalan perlembagaan  
H1e mahkamah persekutuan boleh mendengar persoalan pertikaian antara kerajaan persekutuan dan negeri  
F2 pembentukan mahkamah tinggi Borneo  
H2a kedudukan Mahkamah Tinggi Malaya dikekalkan.  
H2b pada masa yang sama Mahkamah tinggi Borneo diwujudkan  
H2c menguruskan soal kehakiman di Sabah dan Sarawak  
H2d jawatan ketua hakim Borneo diperkenalkan  
H2e pada 1994, jawatan ini diubah kepada Ketua Hakim Sarawak & Sabah  
F3 diperkenalkan jawatan Yang di-Pertua Negeri  
H3a dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong (YdPA)  
H3b menjalankan tugasnya atas nasihat majlis tertinggi di Sarawak  
H3c Kabinet Negeri bagi Sabah

[2 markah]

(c) Tunku Abdul Rahman, Perdana Menteri Malaysia telah membawa usul pindaan perlembagaan 1965. Jelaskan usul pindaan tersebut.

F1 membolehkan Singapura keluar dari Malaysia  
F2 peruntukan kuasa ke atas Singapura dimansuhkan  
F3 Kuasa Imigresen/kewangan/hubungan luar negara/pertahanan  
F4 mengesahkan Singapura negara yang bebas/pemerintahan berasingan

[2 markah]

(d) Perlembagaan perlu dipinda supaya sentiasa relevan dengan keperluan semasa. Jelaskan

F1 perlembagaan 1957 digubal berdasarkan situasi pada masa tersebut  
H1a memerlukan perubahan ituasi sesuai dengan situasi semasa

- H1b perubahan gaya pemikiran masyarakat  
 H1c kematangan masyarakat mengikut arus kemodenan  
 H1d perkembangan intelektual/ilmu dalam pelbagai bidang  
 C1 pindaan kelayakan usia mengundi daripada 21 tahun kepada 18 tahun  
 I membuka peluang lebih ramai belia terlibat dalam proses demokrasi

[4 markah]

4. Maklumat berikut adalah isu global yang dihadapi Malaysia.

**ISU GLOBAL**

- **Penyalahgunaan Dadah**
- **Pertindihan Sempadan**
- **X**

(a) Nyatakan dua lagi isu global yang dihadapi oleh negara kita.

- F1 kempen antiminyak Sawit  
 F2 pemerdagangan orang  
 F3 penyakit berjangkit

[2 markah]

(b) Jelaskan isu pertindihan sempadan yang melibatkan Malaysia dengan negara lain.

- F1 tuntutan terhadap Pulau Batu Putih  
 H1a melibatkan Malaysia-Singapura  
 H1b diselesaikan melalui Mahkamah Antarabangsa  
 H1c mahkamah memutuskan Pulau Batu Putih menjadi milik Singapura  
 F2 tuntutan Pulau Sipadan/Ligitan  
 H2a melibatkan Malaysia-Indonesia  
 H2b mahkamah memutuskan pulau Sipadan/ Ligitan menjadi hak milik Malaysia  
 F3 isu tuntutan kepulauan Spratly  
 H3a terletak di tengah tengah rantau Asia Tenggara  
 H3b penting dari sudut geostrategik/perdagangan

H3c melibatkan Malaysia/ China/ Vietnam/ Brunei/ Filipina  
H3d Isu Pulau Spratly dibangkitkan dalam forum ASEAN-CHINA  
H3e isu ini masih belum selesai sehingga kini

[4 markah]

(c) Mengapakah negara kita bertekad mengistiharkan perang terhadap penyalahgunaan dadah?

F1 merosakkan masa depan generasi muda  
H1a melumpuhkan pembangunan fizikal dan rohani  
H1b peningkatan kes jenayah melibatkan penagih  
C1 peras ugut/rompakan/meragut  
I negara kehilangan sumber tenaga muda  
F2 menjejaskan pertumbuhan ekonomi negara  
H2a kehilangan sumber tenaga berproduktif  
C2 menimbulkan isu gelandangan  
H2b perbelanjaan pemulihan penagih dadah tinggi  
H2c menjejaskan peruntukan bagi pembangunan negara

[4 markah]



## Bahagian B

[60 markah]

Jawab mana-mana **tiga** soalan daripada bahagian ini.

5. **Meskipun tiada kerajaan Melayu yang mampu mencipta kegemilangan Kesultanan Melayu Melaka itu, Melaka kekal sebagai inspirasi dan sumber kekuatan kepada semua negeri yang menganggap mereka sebagai pewaris kerajaan unggul itu....”** *Andaya, B.W dan Andaya, L.Y., A History of Malaysia, London: Macmillan Press Limited, 1982.*

(a) Jelaskan latar belakang penubuhan kerajaan Melayu Melaka? [4 markah]

- F1 diasaskan oleh Parameswara pada tahun 1400
- H2a asalnya putera kerajaan melayu dari palembang
- H2b palembang dikuasai majapahit
- H2c parameswara dan ayahnya cuba membebaskan palembang daripada jajahan majapahit
- H2d usaha tersebut gagal
- H2e parameswara dan pengikutnya melarikan diri ke temasik
  
- F2 parameswara membunuh pemerintah temasik
- H2a parameswara dan pengikut terpaksa berpindah
- H2b mereka tiba di kawasan perkampungan nelayan
- H2c kawasan tersebut dibangunkan sbg kerajaan melaka
  
- F3 melaka dikenali dengan pelbagai nama
- H3a direkodkan dengan pelbagai sumber
- H3b sejarah melayu : sempena nama pokok melaka
- H3c pedagang arab : menyebut melaka sebagai malakat
- H3d bermaksud perhimpunan segala dagang

- H3e pedagang juga menggelarnya sebagai mulaqah
- H3f bermaksud pertemuan
- H3g sumber dari bahasa sanskrit : menyebut melaka sebagai amalaka
- H3h iaitu nama daripada sejenis pokok yang mempunyai buah yang masam
- H3i mengikut ajaran hindu amalaka adalah pokok yang pertama tumbuh di alam semesta
- H3j sumber barat : buku the suma oriental oleh tom pires
- H3k melaka berasal daripada perkataan malaqa
- H3l bermaksud tempat perlindungan

(b) Keagungan Kesultanan Melayu Melaka membuktikan asas negara bangsa di Alam Melayu telah terbentuk sebelum kedatangan Barat.

Buktikan pernyataan tersebut.

- F1 sistem kerajaan yang sistematik
- H1a muncul kerana adanya raja
- H1b raja sebagai pemerintah tertinggi
- H1c dibantu oleh pembesar
- H1d diperkukuhkan dengan sistem pembesar empat lipatan
- H1e setelah kedatangan islam pemerintah kesultanan melayu melaka (kmm) mula menggunakan gelaran sultan
  
- F2 kesetiaan rakyat
- H2a menumpahkan taat setia kepada sultan melaka
- H2b mematuhi undang undang yang disediakan
- H2c terdiri daripada orang melayu dan orang laut
- H2c golongan diperintah memperakui golongan merdeka dan hamba
- H2d kesejahteraan rakyat melaka dijamin oleh sultan
- H2e rakyat mengakui kekuasaan sultan
- H2f hubungan timbal balik
- H2g mewujudkan persefahama dan ikatan antara golongan pemerintah dan golongan diperintah
  
- F3 kedaulatan pemerintah
- H3a lambang kekuasaan tertinggi seorang sultan
- H3b hak mutlak sultan untuk mengawal rakyat dan wilayah
- H3c bebas daripada campur tangan kuasa asing
- H3d kerajaan dinasti ming menghantar utusan diketuai laksamana cheng ho

- H3e mengeratkan hubungan antara china dan melaka
- F4 wilayah pengaruh yang luas
- H4a kawasan pemerintahan raja yang diterima dan diakui oleh rakyat
- H4b melaka mempunyai wilayah pengaruh yang luas
- H4c merangkumi keseluruhan semenanjung tanah melayu dan pantai timur sumatera
- H4d diperolehi melalui penaklukan/naungan/perkahwinan
- H4e membuktikan kewibawaan pemerintah
- C1a contoh wilayah taklukan melalui peperangan : pahang /kuala linggi/kelantan/rokan/inderagiri/kampar
- H4e wilayah naungan : wilayah yang menerima ketuanan melalui perkahwinan
- C1b lingga/pattani/kedah
- C1c majapahit menghadihkan siantan kepada sultan mansur shah kerana mengahwini puteri majapahit
- F5 keunggulan undang undang
- H5a hukum kanun melaka
- H5b undang undang laut melaka
- H5c tujuannya untuk mengukuhkan kerajaan
- H5d melindungi kepentingan rakyat
- F6 lambang kebesaran
- H6a identiti kedaulatan sultan yang memerintah
- H6b lambang kebesaran menjadi simbol kedaulatan
- C1d adat istiadat/penggunaan warna/ nobat/regalia/cap mohor

[8 markah]

- (c) "Melaka Bandaraya Warisan Dunia UNESCO". Pengiktirafan badan dunia tersebut melahirkan rasa bangga kepada masyarakat kita pada hari ini. Bagaimana kita boleh mempertahankan warisan sejarah tersebut. [8 markah]

- F1 memelihara dan memulihara binaan bangunan sejarah
- H1a memberikan peruntukan khas oleh kerajaan
- H1b melakukan kerja pemuliharaan secara berkala
- H1c mengekalkan keaslian bangunan tersebut

- H1d tidak merobohkan struktur bangunan
- C1 kota a famosa/dutch square di melaka
- I mengembangkan ilmu kajian arkeologi ke atas seni bina
- I menjadikan destinasi pelancongan negara
  
- F2 melakukan kajian/aktiviti arkeologi
- H2a melalui artifak yang dijumpai
- C2a seperti meriam hang tuah yang dijumpai di goa, india.
- C2b serpihan seramik zaman dinasti song yang ditemui di kawasan paya bakau sekitar pulau melaka
- H2b menjadikan ilmu kajian dalam pusat pengajian tinggi
- I keunikan warisan sejarah itudirakamkan secara ilmiah untuk tujuan masa depan

6. Gambar di bawah berkaitan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu pada 21 Januari 1948.



(a) Apakah faktor yang membawa British menandatangani Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948?

- F1 penentangan orang melayu terhadap malayan union
- H1a orang melayu/raja melayu/pemimpin umno berganding bahu membantah pelaksanaan MU
- H1b ahli parlimen british gammans/ rees william menyaksikan bantahan tersebut
- H1c mereka melaporkan bahawa jika MU dilaksanakan huru-hara akan berlaku di tanah melayu
  
- F2 cadangan raja melayu dan umno
- H2a raja melayu telah bertemu dengan gabenor MU/ sir edward gent di kuala kangsar
- H2b mencadangkan persekutuan bertaraf naungan dan bukannya jajahan
- H2c memohon perjanjian baru menggantikan MU
- H2d jawatan pesuruhjaya tinggi menggantikan gabenor
- H2e mencadangkan raja berkuasa dalam perundangan
- H2f mengusulkan agar perkataan negeri negeri melayu muncul dalam persekutuan yang baharu
  
- F3 sultan perak menjadi jurucakap raja melayu
- H3a mendesak british menerima usul persekutuan sebelum berbincang perkara lain
  
- F4 sokongan pentadbir british
- H4a pegawai tinggi british menyokong konsep persekutuan
- H4b sir edward/malcom macdonald/sir ralph hone/gammans
- H4c mencadangkan british melibatkan raja melayu dalam pentadbiran
- H4d sir edward gent embuat pertemuan dengan pemimpin melayu untuk mengemukakan cadangan
  
- F5 faktor british
- H5a british yakin persekutuan boleh wujudkan kestabilan politik
- H5b akan mendorong pelabur luar untuk melabur di negara kita
  
- F6 dasar dekolonisasi

- H6a dilaksanakan selepas piagam atlantik diisytiharkan  
H6b disarankan oleh pbb supaya tiada lagi peluasan wilayah/penjajahan

[4 markah]

(b) Jelaskan isi kandungan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu.

- F1 gabungan sembilan buah negeri melayu dan dua buah negeri selat
- F2 singapura menjadi tanah jajahan british secara berasing
- F3 kerajaan persekutuan diketuai oleh pesuruhjaya tinggi british
- F4 kerajaan persekutuan bertanggungjawab dalam hal kewangan
- F5 ditubuhkan majlis mesyuarat persekutuan dan majlis perundangan persekutuan
- F6 majlis mesyuarat persekutuan mempunyai ahli rasmi dan ahli tidak rasmi
- F7 ahli tidak rasmi dilantik oleh pesuruhjaya tinggi british
- F8 ahli majlis perundangan persekutuan terdiri daripada pelbagai kaum
- F9 ditubuhkan majlis raja raja
- F10 membolehkan raja raja melayu memberikan pandangan dalam

perkara tertentu

- F11 sultan berkuasa dalam peringkat negeri
- F12 bertanggungjawab dalam mengesahkan undang undang yang diluluskan oleh dewan perundangan negeri
- F13 mpp diketuai pesuruhjaya tinggi
- F14 bidang kuasa mpp adalah hal ehwal luar/ ketenteraman awam/ kehakiman/ perdagangan/ komunikasi/ percukaian
- F15 rang undang undang perlu diperkenankan oleh majlis raja raja
- F16 kewarganegaraan secara kuatkuasa undang undang
- F17 kewarganegaraan jus soli hanya terbuka kepada rakyat raja dan rakyat british
- F18 kewarganegaraan secara pendaftaran diperkenalkan

[8 markah]

(c) Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 berjaya mempertahankan identiti negara dan bangsa Melayu.  
Buktikan.

- F1 institusi pemerintahan beraja berjaya dipertahankan
- H1a pesuruhjaya tinggi british perlulah merujuk raja raja melayu dalam bidang kuasa persekutuan
- H1b rang undang undang mpp perlu mendapat kenan raja raja melayu

- C1a majlis raja raja melayu terbentuk
- H1c berpeluang memberikan pandangan dalam perkara tertentu
- H1d raja raja melayu juga diiktiraf sebagai ketua pemerintah negeri masing masing
- H1e bertanggungjawab mengesahkan undang undang yang diluluskan dalam majlis perundangan negeri
- C1b keistimewaan orang melayu sebagai penduduk bumi diiktirafkan
- H1f konsep rakyat raja melayu diiktirafkan kepada orang melayu dan orang asli sahaja
- I ptm 1948 mengembalikan kedaulatan raja raja melayu dan status bangsa melayu negara ini.

[8 markah]

7. Maklumat berikut adalah petikan pemasyhuran kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu yang menjamin kedaulatan negara.



**Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Mengasihani, segala puji bagi Allah yang Maha Berkuasa dan selawat ke atas sekalian Rasul-Nya**

**Bahawasanya kerana telah tiba masanya bagi umat Persekutuan Tanah Melayu ini mencapai taraf suatu bangsa yang merdeka lagi berdaulat sama setimpal kedudukannya dengan bangsa seluruh dunia**

(a) Jelaskan maksud kedaulatan. [6 markah]

F1 kekuasaan/kewibawaan tertinggi

H1a sesebuah negara yang bebas

H1b mempunyai hak melaksanakan pemerintahan/pentadbiran negara

F2 bahasa yunani : supernuus/superanus

H2a bermaksud agung/tertinggi

H2b negara yang bebas dan merdeka

F3 bahasa inggeris : sovereignty

H3 negara mempunyai kuasa penuh terhadap pemerintahan

F4 bahasa arab : berasal daripada kata daulah

H4 bermaksud kuasa pemerintahan sesebuah kerajaan

F5 bahasa melayu : merujuk perkataan daulat

Hf bermaksud kekuasaan tertinggi terhadap pemerintahan negara

Pandangan Tokoh

F6 aristotle (ahli falsafah yunani)

H6a kuasa tertinggi terhadap pemerintahan negara

H6b kerajaan yang terikat dengan undang undang

F7 ibnu khaldun (ilmuan islam)

H7a kekuatan dan kekuasaan sesebuah negara berasaskan semangat kekitaan bangsanya

H7b diiringi dengan semangat beragama

H7c sesuatu bangsa rela berkorban demi mencapai cita cita yang sama

F8 jean bodin (ahli falsafah politik perancis)

H8a kuasa tertinggi dalam sesebuah negara

H8b bersifat kekal

H8c mempunyai kuasa tidak terbatas

H8d membuat undang undang,mentafsir dan melaksanakan

F9 tunku abdul rahman putra al haj [perdana menteri malaysia pertama]

H9a prinsip kebebasan dan keadilan

H9b memperjuangkan kebajikan/kesejahteraan rakyat

F10 tun dr mohamed salleh abas [mantan ketua hakim negara]

H10a negara merdeka memiliki kebebasan pada peringkat antarabangsa

H10b hak dan kuasa untuk mengatur urusan dalam negeri tanpa telunjuk kuasa asing

(b) Malaysia adalah sebuah negara yang berdaulat

Buktikan.

[8 markah]

F1 mempunyai pemerintah

H1a tujuan : menjaga kestabilan politik/ keamanan/ pertahanan/ ekonomi

H1b malaysia sebuah negara persekutuan

C1a mengamalkan sistem demokrasi berparlimen

C1b di bawah pemerintahan raja berpelembagaan

H1c yang dipertuan agong sebagai ketua utama kerajaan

H1d perdana menteri menjadi ketua kerajaan

H1e dibantu oleh jemaah menteri

F2 mempunyai sempadan

H2a merupakan garis pemisah antara negeri/negara

H2b berkongsi sempadan darat/ air/ udara dengan jiran

C2 seperti singapura/ thailand/ indonesia/ brunei/ filipina/

H2c sempadan malaysia diakui oleh pbb

H2d penetapan sempadan memudahkan urusan pemerintahan/ pentadbiran/ pertahanan/ pembangunan ekonomi negara kita

F3 mempunyai perundangan

H3a asas kepada peraturan negara

H3b kepentingan : memelihara kesejahteraan/ keadilan/ melindungi rakyat

H3c berpandukan perlembagaan persekutuan tanah melayu 1957

H3d parlimen menggubal/ menentukan perundangan negara

F4 mempunyai rakyat/ penduduk

H4a terikat kepada undang undang/ peraturan

H4b rakyat malaysia terdiri daripadapelbagai kaum, agama dan adat resam

H4c disatukan melalui satu bahasa/ kebudayaan

H4d rukun negara menjadi identiti nasional

(d) Jelaskan manfaat bagi rakyat yang mendiami sebuah negara yang berdaulat. [6 markah]

F1 menikmati kebebasan

H1a tiada undang undang mengehadkan pergerakan

H1b mendapat kebebasan bersuara

C1 mengutarakan pandangan berkaitan pemerintahan negara

H1d rakyat boleh memilih pemimpin negara/ parti yang memerintah

H1e menentukan hala tuju tanpa halangan

I memperkukuhkan hak rakyat dalam negaranya sendiri

I menikmati kemakmuran ekonomi secara adil

F2 menjalankan aktiviti ekonomi/ pekerjaan tanpa halangan

H2a dapat meningkatkan taraf hidup

H2b memiliki kebebasan mengumpul harta

C2 sumber kekayaan negara dapat digunakan untuk kepentingan rakyat

H2c rakyat menikmati pelbagai kemudahan hasil sumber kekayaan negara

H2d pembangunan ekonomi membantu mengurangkan kadar kemiskinan rakyat

H2e meningkatkan gaya hidup rakyat melalui kemakmuran ekonomi

I elakkan daripada menjadi buruh paksaan penjajah

8. Demokrasi Berparlimen negara kita memberikan kebebasan asasi kepada rakyat negara ini.

(a) Apakah kebebasan asasi tersebut. [4 markah]

F1 hak yang dimiliki oleh seseorang individu di sisi undang undang

F2 kebebasan diri

H2a tidak boleh diambil nyawa

H2b dilucutkan kebebasan diri

F3 kebebasan beragama

H3a islam agama rasmi persekutuan

H3b agama lain bebas diamalkan

F4 hak berpendidikan  
H4a tiada diskriminasi terhadap warganegara  
H4b atas dasar agama/ ras/ keturunan/ tempat lahir

F5 kebebasan bersuara  
H5a kebebasan berhimpun secara aman  
H5b bebas membentuk persekutuan

(b) Jelaskan keunikan amalan Demokrasi Berparlimen dan Raja Berperlembagaan di negara kita.

[8 markah]

F1 gabungan unsur tradisional dan moden dalam pentadbiran

C1 mengekalkan pemerintahan beraja

H1a menjadi sebahagian warisan politik orang melayu

H1b unsur moden pula bagi demokrasi berparlimen

H1c berdasarkan model westminster, england

H1d mengimbangi sosiopolitik negara kita

F2 semak dan imbang dalam pentadbiran

H2a melalui raja berpelembagaan dan demokrasi berparlimen

H2b mampu meredakan konflik yang berlaku dalam demonstrasi

H2c raja berkecuali dalam hal politik, ekonomi dan dasar luar negara

C2b perselisihan antara kaum/ pertikaian parti politik

F3 kewujudan pengasingan kuasa

C3 badan perundangan/ eksekutif/ kehakiman

H3a badan perundangan diberi peranan menggubal undang undang

H3b badan eksekutif sebagai badan pelaksana

H3c sekiranya timbul konflik/ kekeliruan penyelesaian dibuat melalui badan kehakiman

- F4 kuasa budi bicara raja
- H4a kuasa yang boleh dilaksanakan tanpa mendengar/ menurut nasihat ketua kerajaan dalam perkara tertentu
- H4b dalam pelantikan ketua kerajaan persekutuan/ perdana menteri
- H4c mempunyai kuasa budi bicara dalam permintaan pembubaran parlimen
- H4d pada peringkat negeri raja/ yang di pertua negeri memiliki kuasa yang sama
- C4 dalam hal pelantikan menteri besar/ ketua menteri
  
- F5 kerjasama politik
- H5a menekankan soal perkongsian kuasa antara kaum
- H5b berdasarkan prinsip tolak ansur/ perundingan/ pengorbanan
- H5c bagi memastikan kuasa setiap kaum diwakili
- H5d pembentukan pakatan pelbagai parti politik berasaskan kaum/ ideologi
- H5e bertujuan membentuk kerajaan persekutuan
- C5 barisan nasional/ pakatan rakyat/ pakatan harapan

(c) Wajarkah permuafakatan pelbagai parti politik dalam satu gabungan dibentuk. Berikan hujah pada pendirian anda. [8 markah]

- F1 wajar
- H1a membentuk kerajaan dengan perkongsian kuasa
- H1b berlaku pakatan antara parti parti yang mewakili kepentingan semua kaum
- C1 parti perikatan/ barisan nasional
- H1c anggotanya terdiri daripada umno/ mca/ mic
- H1d membawa permuafakatan politik/ dasar toleransi politik
- H1e memelihara kebajikan/ keperluan setiap kaum
- H1f menjamin kestabilan politik negara
- H1g memiliki suara majoriti dalam parlimen
- I segala dasar/ undang mendapat sokongan/ kelulusan
- I mempercepatkan pembangunan negara
  
- F2 tidak wajar
- H2a berlaku perebutan kuasa/ jawatan utama kerajaan

- H2b mahu menegakkan pengaruh masing masing
- H2c ideologi/ fahaman politik yang berbeza
- H2d sukar membentuk halatuju yang sama
- H2e menjejaskan pentadbiran/ jentera kerajaan
- C2a pas mahu menegakkan negara islam
- C2b umno ingin mempertahankan kepentingan orang melayu
- H2f membentuk pakatan yang rapuh
- H2g lebih bermatlamat membentuk kuasa/ menduduki kerajaan persekutuan
- I melahirkan suasana tidak harmoni
- I tiada dasar pembangunan akibat tindakan bermain politik

9. Sejak 1960-an sehingga 1996, kerajaan Malaysia membuat pelbagai semakan berkaitan Pendidikan negara.

(a) Mengapakah sistem Pendidikan negara sentiasa dikaji dan dilakukan perubahan?

[4 markah]

- F1 membina perpaduan kaum
- F2 melahirkan integrasi nasional
- F3 memartabatkan bahasa melayu
- F4 menyediakan tenaga mahir
- F5 memenuhi keperluan negara semasa dan masa depan
- F6 menggalakkan perkembangan kebudayaan/ ekonomi/ sosial/ politik negara
- F7 menyumbang keharmonian negara
- F8 mewujudkan perasaan cinta akan negara
- F9 memenuhi permintaan pasaran kerja
- F10 melahirkan insan yang seimbang dalam jasmani/ rohani/ intelek/ emosi
- F11 melahirkan rakyat negara yang patriotik/ cinta akan negara

(b) Jelaskan semakan dasar Pendidikan yang telah dilakukan antara tahun 1960 sehingga Akta Pendidikan 1996.

[8 markah]

- F1 1960: laporan rahman talib
- H1a menyemak penyata jawatankuasa pelajaran 1956
- H1b menjadi asas penggubalan akta 1961
- H1c menjadikan pendidikan sebagai teras memupuk perpaduan
- H1d bahasa melayu sebagai bahasa pengantar

- H1e pengenalan kurikulum yang sama
- H1f penekanan kepada matapelajaran sejarah
- H1g mewajibkan mata pelajaran tatarakyat
  
- F2 kajian aminudin baki
- H2a melakukan penambahbaikan laporan rahman talib
- H2b memperkenalkan sistem persekolahan aneka jurusan
- H2c memperkenalkan kursus kemahiran untuk melahirkan tenaga kerja mahir
- H2d menampung pelajar yang gagal memasuki sekolah akademik
- H2e mewujudkan sekolah kebangsaan menggabungkan semua kaum
  
- F3 1974: laporan jawatankuasa kabinet
- H3a mengkaji semula sistem pelajaran kebangsaan
- H3b memupuk perpaduan melalui pendidikan
- H3c bahasa melayu sebagai mata pelajaran wajib dalam peperiksaan awam
- H3d menegaskan pendidikan kerohanian
- H3e melalui mata pelajaran pendidikan islam/ pendidikan moral
- H3f penekanan kepada aktiviti kokurikulum
- H3g unit beruniform/ sukan/ permainan/ persatuan
  
- F4 memperkenalkan kbsr/ kbsm
- H4a kbsr mengutamakan penguasaan tiga bidang asas
- H4b bidang komunikasi/ kemanusiaan/ alam sekitar/ perkembangan diri individu
- H4c kbsm menggantikan kbsr
- H4d berfokus kepada penguasaan kemahiran abad ke 21
  
- F5 1988 - falsafah pendidikan kebangsaan
- H5a memperteguh matlamat pendidikan ke arah perpaduan

- H5b menekankan pendidikan yang menyeluruh/ bersepadu
- H5c membentuk pelajar yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani, dan intelek
  
- F6 1996- akta pendidikan
- H6a memperkukuhkan kedudukan bahasa kebangsaan
- H6b bahasa melayu sebagai mata pelajaran wajib diajar di semua sekolah/ institusi pendidikan swasta
- H6c memupuk semangat cinta akan negara

(c) Berikut adalah salah satu daripada 5 aspirasi dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025.

**100 % enrolmen pelajar merentasi semua peringkat Pendidikan daripada prasekolah sehingga menengah atas menjelang tahun 2020**

Mengapakah kerajaan mahu memastikan semua rakyat negara ini mendapat peluang Pendidikan? [8 markah]

- F1 meningkatkan golongan celik huruf
- H1a memiliki ilmu pengetahuan/ kemahiran asas
- H1c menjamin kesejahteraan hidup rakyat
- H1d mendapat kemahiran/ memenuhi pasaran kerja
- C1 golongan profesional/ tenaga kerja berkemahiran
- H1e menyumbang tenaga/ idea bagi pembangunan negara
- I membantu negara memacu hala tuju yang diaspirasikan/ menjadi negara maju
  
- F2 membangunkan model intelek negara
- H2a melahirkan golongan terpelajar dalam negara



- H2b menyumbang idea/ falsafah ideologi baru
- H2c menjana pembangunan negara ke peringkat kebangsaan
- H2d melahirkan pemimpin/ pelapis
- H2e berkeupayaan menerajui pentadbiran negara
- C2 memiliki nilai kepimpinan cemerlang
- I mendapatkan penghormatan negara ke peringkat lebih tinggi

Disediakan oleh : Puan Azura Binti Pun (Guru Mata Pelajaran Sejarah)